



30 Mac 2012  
30 March 2012  
P.U. (B) 99

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC  
PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## KANUN TANAH NEGARA

## PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 924/1953* yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Selangor pada 3 Disember 1953, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [*No. 24/1962*] dan diwakilkan kepadanya melalui *Warta* Kerajaan Negeri Selangor *P.W. Sel. 188/1952*, Menteri Besar, Selangor, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 239 yang terletak di dalam seksyen 72 Bandar Kuala Lumpur, seluas 2 rud 05.3 pol dan ditandakan di atas pelan ukur hasil, No. 20,825 yang sekarang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak bagi Institut Wanita yang oleh Persatuan Institut Wanita Malaya:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U.(B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakili penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan sebagai *P.U. (B) 605/2011* pada 21 Disember 2011:

DAN BAHAWASANYA, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

#### JADUAL

*Daerah* – Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur *Bandar* – Kuala Lumpur *Seksyen* – 72  
*No. Pelan* – 20,825 *No. Lot* – 239 *Luas* – 2 rud 05.3 pol.

Bertarikh 19 Mac 2012

[KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 11/30/11; PN(PU2)213/LVIII]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN  
*Pengerusi*  
*Jawatankuasa Kerja Tanah*  
*Wilayah Persekutuan*  
*Kuala Lumpur*

## NATIONAL LAND CODE

## REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by *Notification No. 924/1953* published in the Selangor Gazette on 3 December 1953, the British Resident, in exercise of the powers conferred upon the Ruler in Council by section 24(i) of the Land Code 1926 [*No. 24/1926*], and delegated to him *vide* Selangor Government *Gazette P.W. Sel. 188/1952*, the Menteri Besar, Selangor, had proclaimed that the parcel of land being Lot No. 239 situated in the section 72 Town of Kuala Lumpur, having an area of 2 roods 05.3 poles delineated upon revenue survey plan No. 20,825 which is now deposited in the Office of the Superintendent of Revenue Surveys, Selangor, to be a reserve for public purpose, to wit, a site for Women's Institutes maintained by the Association of Women's Institutes of Malaya:

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the Gazette of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

AND WHEREAS, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as *P.U. (B) 605/2011* on 21 December 2011:

AND WHEREAS, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule was received:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under section 64 of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it as aforesaid, revokes the reservation of the land described in the Schedule.

SCHEDULE

*District* – Federal Territory of Kuala Lumpur    *Town* – Kuala Lumpur    *Section* – 72  
*Plan No.* – 20,825    *Lot No.* – 239    *Area* – 2 roods 05.3 poles.

Dated 19 March 2012

[KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 11/30/11; PN(PU2)213/LVIII]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN  
*Chairman*  
*Land Executive Committee*  
*Federal Territory of*  
*Kuala Lumpur*